

Pusat latihan tingkat profesional IT wujud

KOTA KINABALU: Cisco Systems (Malaysia) Sdn Bhd dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin melancarkan Pusat Latihan Iniatif Internet untuk Negara-negara Membangun (ITCI-DC) di Malaysia yang boleh membantu meningkatkan jumlah golongan profesional dalam Teknologi Maklumat (IT).

ITCI-DC dibentuk oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), iaitu pertubuhan yang mempromosikan kerjasama antara kerajaan dan sektor-sektor swasta dalam menangani kekurangan meruncing golongan profesional rangkaian kemahiran dan IT dalam dunia ekonomi membangun.

Untuk melaksanakan program ini, ITCI-DC telah bekerjasama dengan Cisco Systems Inc, yang merupakan antara peneraju di dalam sistem rangkaian untuk Internet, memperkenalkan Program Akademi Rangkaian Cisco (CNAP), program latihan industri yang begitu terkenal dalam rangkaian protokol internet.

Di bawah program ini, UMS akan melaksanakan kursus 280-jam berdasarkan kepada kurikulum yang digunakan dalam Program Akademi Rangkaian Cisco yang melatih pelajar untuk mereka bentuk, membina dan menyelenggarakan rangkaian-rangkaian komputer.

UMS merupakan satu-satu institusi pendidikan di Malaysia dan salah sebuah daripada 12 institusi di Asia Pasifik yang dipilih di bawah skim berkenaan.

Johnson Khoo, pengarah urusan Cisco Systems Malaysia memberitahu pemberita pada majlis perasmian itu berkata

UMS telah dipilih untuk program ini berikutan kemudahan canggih yang dimilikinya.

Ja juta merupakan tempat yang sesuai untuk merapatkan lagi jurang pengetahuan digital IT berbanding dengan institusi-institusi lain di Lembah Klang, di mana penggunaan ITnya agak meluas.

Prof Dr Sazali Yaacob, Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat UMS berkata CNAP akan ditawarkan kepada pelajar tahun pertama Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan Perisian, Pengurusan Rangkaian dan Sistem dan Kejuruteraan Komputer.

"Untuk permulaan hanya 50 pelajar akan ditawarkan tempat dalam program yang akan bermula Jun depan," kata beliau.

Dr Sazali berkata program itu akan dilaksanakan dalam empat semester (dua tahun) dan para pelajar akan bersedia untuk peperiksaan sijil standard industri termasuk Cisco Certified Network Associate (CCNA) dan Cisco Certified Network Professional (CCNP).

Khoo berkata: "Dengan sijil Cisco ini, ia akan memudahkan pelajar mendapat kerja."

Beliau berkata dengan tenaga kerja yang begitu terlatih dalam bidang IT, aliran pelaburan dijangka akan menyusul tidak lama lagi seperti mana di Pulau Pinang, Lembah Klang dan Melaka. - Bernama